

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	09 MAY 2017

PM selar pihak sebar berita palsu

KUALA LUMPUR 8 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak menyelar pihak-pihak tertentu yang memberi gambaran berlainan berhubung pencapaian dan kejayaan negara, malah tidak menceritakan kisah sebenar demi kepentingan mereka sendiri.

Tegas Perdana Menteri, negara telah mencapai terlalu banyak kejayaan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa termasuk dalam sektor minyak dan gas.

Beliau menjelaskan, industri minyak dan gas merupakan pemacu utama Program Transformasi Ekonomi (ETP) dengan kejayaan terbaharu menjana sejumlah AS\$7 bilion (RM31 bilion) menerusi kerjasama antara Saudi Aramco dengan Petronas sebagai rakan pelaburan dalam projek Kompleks Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, Johor.

Kata beliau, pelaburan terbesar itu dan pelbagai lagi kejayaan lain membuktikan keyakinan pihak luar dengan kedudukan ekonomi negara dan ia turut diiktiraf oleh laporan terkini Bank Dunia serta firma dari Amerika Syarikat (AS), BAV Consulting dan Universiti Pennsylvania yang mengesahkan Malaysia boleh menjadi pendahulu sebagai negara terbaik untuk dilabur pada tahun ini.

“Oleh itu, jangan tertipu dengan berita-berita palsu. Cukuplah



Kita tidak mahu tindakan itu boleh mengaburkan segala pencapaian dan kejayaan transformasi negara, iaitu satu langkah transformasi yang perlu dibanggakan oleh semua rakyat walau apa pun pandangan peribadi mereka.”

**NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri**

berbuat demikian.

“Kita tidak mahu tindakan itu boleh mengaburkan segala pencapaian dan kejayaan transformasi negara, iaitu satu langkah transformasi yang perlu dibanggakan oleh semua rakyat walau apa pun pandangan peribadi mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Minyak dan Gas Asia (AOGC) Kali Ke-19 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Tenaga, Industri dan Sumber Mineral Kerajaan Arab Saudi, Khalid Al-Falih dan Presiden mer-

angkap Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Datuk Wan Zulkiflee Wan Ariffin.

Dalam pada itu, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia komited untuk memerangi perubahan iklim melalui usaha dan kerjasama pemain industri minyak dan gas.

Katanya, beliau percaya syarikat-syarikat berkaitan dalam industri terbabit lebih berinovatif bagi mengurangkan pelepasan gas-gas rumah hijau semasa proses industri bagi mencapai kadar 45 peratus daripada jumlah pelepasan gas itu menjelang tahun 2030.

“Saya sedar telah banyak kemajuan pembangunan teknologi pengurusan karbon dioksida termasuk yang dilaksanakan Petronas, namun saya berharap lebih banyak boleh dilakukan untuk melonjak pelaksanaan teknologi-teknologi berkaitan.

“Saya juga percaya syarikat-syarikat dalam sektor ini akan membantu mempromosi penggunaan gas asli di samping tenaga boleh diperbaharui sebagai pilihan bahan api bersih. Inilah masa terbaik untuk menggalakkan penggunaan gas asli dalam pasaran baharu memandangkan harganya yang kompetitif, dibantu pula dengan pelaburan bersesuaian dalam infrastrukturnya,” katanya.